

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SENG
[KAMPAR]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2015

SOALAN :

**DR. KO CHUNG SENG MEMINTA [KAMPAR] minta PERDANA
MENTERI menyatakan;**

- (a) Jumlah wang yang dilaburkan oleh dana dari institusi termasuk KWSP, Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) ke dalam FGV
- (b) Jumlah kerugian yang ditanggung oleh setiap institusi tersebut ekoran kejatuhan harga saham FGV dan jumlah wang yang ValueCap akan melabur ke dalam FGV berdasarkan sejarah kerugian yang ketara.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Senarai pemegang saham terbesar dan nilainya dalam FGV setakat 28 Ogos 2015 adalah seperti di berikut :

INSTITUSI	PEGANGAN (%)
FELDA	20
FELDA Asset Holdings Company (FAHC)	13.66
Lembaga Tabung Haji	7.78
Koperasi Permodalan FELDA BERHAD (KPF)	5.8
Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP)	5.09
Kerajaan Negeri Pahang	5

Jumlah kerugian yang ditanggung oleh mana-mana institusi yang melabur dalam FGV adalah bergantung kepada tempoh penjualan dibuat. Sebarang maklumat kewangan pelaburan adalah bergantung kepada pengumuman rasmi yang dibuat oleh institusi tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 16 Oktober 2015, FGV masih tidak menerima sebarang maklumat mengenai pelaburan ValueCap ke dalam sahamnya.

Sekian. Terima kasih.